

Fatwa & Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah

Fatwa & Modern Medical Sciences From The Perspective of Maqasid Syariah

Arief Salleh Rosman^{a*}; Nurulhidayah Ahmad Fadzillah^b; Zulkiflee Haron^a; Mohd Nasir Ripin^a; Aminuddin Hehsan^a,
Mifedwil Jandra^c; Nor Azwa Omar Jamli^d

^a*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFiRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81310, UTM Johor Bahru*

^b*International Institute for Halal Research and Training (INHART), Herbarium Unit, Department of Landscape Architecture, Kulliyah of Architecture and Environmental Design, International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia*

^c*Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia*

^d*Sertwo International Sdn Bhd., Wisma JEMZ Group, No. 7-1, Jalan Danau Lumayan, Danau Lumayan Business Park, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia*

**Corresponding author: aswar@utm.my*

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Modern medical science and technology innovates various treatment methods that require legal clarification in accordance with Islamic law. Fatwa institutions play a role in producing explanations and solutions that coincide with the objective of Islamic law (maqasid Syariah). Life preservation as one of the objective of Islamic law has a close relationship with medical science. The objective of this article is to analyze the relation of medical science with the the objective of Islamic law and to analyze the application of the objective of Islamic law in the modern fatwa related to medical sciences. This is a qualitative study using content analysis method. The findings show that medical science has a significant relationship with the achievement of the objective of Islamic law. Medical science based on Islamic law can fulfill the five basic needs that are the core of the objective of Islamic law. Medical science that cares for the health of individuals and societies help individuals and communities perform the perfect worship as well as the commitment of religious life with which it can safeguard muslim belief system. Medical science also safeguarding the safety of human life. Human intellect can only be maintained by practicing a healthy living culture. A healthy individual can build a healthy family and society to ensure the survival of human beings with which it can preserve the human descendants. Healthy community members can live productively to preserve their wealth.

Keywords: fatwa, medical science, objective of Islamic law, legal maxim.

Abstrak

Kecanggihan sains dan teknologi perubatan moden menginovasikan pelbagai kaedah rawatan yang memerlukan penjelasan hukum menurut perundangan Islam. Institusi fatwa berperanan dalam mengemukakan penjelasan dan penyelesaian yang bertepatan dengan objektif perundangan Islam (maqasid Syar'iyah). Pemeliharaan nyawa sebagai salah satu objektif perundangan Islam mempunyai hubungan rapat dengan sains perubatan. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisa hubungan sains perubatan dengan maqasid Syar'iyah dan menganalisa aplikasi maqasid Syar'iyah dalam fatwa & sains perubatan moden. Kajian yang dilakukan adalah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisa kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sains perubatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian maqasid Syari'ah. Sains perubatan yang berteraskan Syariat Islam dapat memenuhi lima keperluan asasi yang menjadi teras kepada maqasid Syari'ah. Sains perubatan yang dapat menjaga kesihatan individu dan masyarakat dapat membantu individu dan masyarakat melaksanakan ibadah yang sempurna serta komitmen kehidupan beragama yang dengannya dapat memelihara agama. Sains perubatan menjadi teras bagi memelihara keselamatan nyawa manusia. Akal manusia hanya dapat dipelihara dengan mengamalkan budaya hidup sihat. Individu yang sihat dapat membina keluarga dan masyarakat yang sihat bagi memastikan kelangsungan hidup manusia yang dengannya dapat memelihara keturunan. Anggota masyarakat yang sihat dapat hidup secara produktif bagi memelihara harta.

Kata Kunci: fatwa, sains perubatan, maqasid Sya'iyah, kaedah fiqh.

1.0 PENGENALAN

Allah SWT mengutus para Rasul berserta dengan SyariatNya untuk membina sistem kehidupan untuk seluruh manusia, sebagaimana firmanNya: “Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti dan mukjizat yang jelas nyata. Dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan...” (Surah al-Hadid, ayat 25)

Syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ merupakan Syariat yang terakhir yang berkuatkuasa sehingga berlakunya kiamat. Firman Allah SWT: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...” (Surah Ali ‘Imran, ayat 19)

Syariat Islam diperundangkan oleh Allah SWT bagi memenuhi masalah seluruh manusia; di dunia dan akhirat (Ibnu’ Ashur, 1998). Apabila Syariat Islam diabaikan dalam kehidupan manusia, pasti mafsadah dan kerosakan akan berlaku.

Abu Darda’ melaporkan, Rasulullah saw bersabda, “Sesungguhnya Allah mencipta penyakit dan mencipta juga ubat, maka hendaklah kamu berubat (jika kamu sakit). Namun, jangan berubat dengan sesuatu yang haram.” Hadis sahih direkod oleh Imam Ibnu ‘Abd al-Bar. Persoalan semasa yang berlaku dalam kehidupan umat Islam kini ialah sains moden mengemukakan sumber ubat-ubatan dan kaedah rawatan yang belum wujud sebelum ini. Masalah besar yang berlaku ialah ubat-ubatan dan kaedah rawatan tersebut dihasilkan daripada dunia yang tidak mempraktikkan Syariat Islam, serta tidak bersandarkan kepada nilai akhlak mulia yang dikemukakan oleh Islam. Umat Islam di zaman kini, hidup dalam penjajahan Barat daripada pelbagai aspek; pemikiran dan tingkahlaku, termasuklah isu perubatan dan pengubatan (Hammad, 2004:8).

Ketika berhadapan dengan isu semasa yang serba mencabar ini, khususnya berkaitan perubatan dan pengubatan, institusi fatwa sangat berperanan dalam mengemukakan penjelasan dan penyelesaian yang bertepatan dengan objektif perundangan Islam (maqasid Syar’iyyah) (Ibnu Taimiyah, 1386H) Antara cabaran besar berkaitan fatwa dalam perubatan dan pengubatan ialah mendapatkan sangkaan yang lebih cenderung kepada yakin (ghalabah al-zan) bagi menimbang antara memenuhi kepentingan atau menjauhi kemudaratan serta mendapatkan keputusan yang mana satukah yang lebih jelas antara kepentingan atau kemudaratan, atau antara dua kemudaratan.

2.0 MAQASID SYARIAH & SAINS PERUBATAN

Allah SWT menjelaskan dalam al-Qur'an bahawa perutusan Nabi Muhammad ﷺ adalah untuk membawa kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam. Firman Allah SWT: “Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (Surah al-Anbiya', ayat 107)

Al-Syatibi (1997) menjelaskan, kefahaman daripada ayat 107 surah al-Anbiya’, rahmat yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ tercemin pada memenuhi keperluan (masalah) dan menghindari keburukan (mafsadah) di sebalik tujuan misi kerasulan Nabi Muhammad ﷺ ke dunia.

‘Iz al-Din bin ‘Abd al-Salam menjelaskan, “Mendapatkan kepentingan (masalah) dan menjauhkan kerosakan (mafsadah) daripada diri sendiri dan orang lain merupakan sesuatu yang baik. Begitu juga mengutamakan manfaat yang lebih utama adalah terpuji dan baik. Selanjutnya menjauhkan kerosakan yang lebih berat daripada kerosakan yang lain juga terpuji dan baik. Mengutamakan kepentingan yang lebih jelas berbanding kerosakan yang kurang jelas juga terpuji dan baik. Menjauhkan kerosakan yang lebih jelas berbanding kepentingan yang kurang jelas juga terpuji dan baik. Para bijak pandai sepakat berkaitan hal tersebut. Begitu juga objektif Syariat Islam berkaitan pengharaman bunuh, zina, curi, dan menjatuhkan maruah, juga isu mendapatkan sesuatu yang baik dan lebih baik; sama ada berkaitan perkataan atau tingkah laku. Jika berlaku perbezaan penjelasan hukum dalam kalangan ulama, kebanyakannya adalah berpunca daripada perbezaan persepsi tentang persamaan antara kepentingan dan kerosakan serta perbezaan yang mana satu lebih jelas antara kedua-duanya. Begitu juga dengan tingkah laku para Doktor, apabila bertembung antara dua mudarat, mereka berusaha untuk menyelesaikan penyakit yang lebih memudaratkan dengan membiarkan kesakitan yang kurang mudaratnya. Mereka berusaha memenuhi keselamatan dan kesihatan yang lebih utama walaupun terpaksa membiarkan keselamatan dan kesihatan yang kurang utama. Mereka tidak akan membuat apa-apa keputusan jika kedua-dua kepentingan atau kerosakan tidak dapat ditimbangkan keutamaannya. Objektif dalam ilmu perubatan adalah sama seperti objektif Syariat Islam iaitu ia ditetapkan untuk memenuhi manfaat keselamatan dan kesihatan serta menjauhi kemudaratan penyakit. Menjauhi semampu mungkin apa-apa yang mampu dijauhi dan memenuhi semampu mungkin apa-apa yang mampu dipenuhi. Jika tidak boleh dijauhi semua mudarat atau dipenuhi semua manfaat, jika kedudukannya sama, maka dipilih salah satu antara kedua-duanya. Jika kedudukannya berbeza, maka digunakan kaedah memilih mana yang lebih jelas (tarjih) jika diketahui, sebaliknya ditangguh keputusan jika tiada elemen yang boleh dilakukan pemilihan.” (1999:8)

Menurut al-Syatibi (1997), objektif Allah SWT memperuntukkan hukum Syarak bagi hambaNya adalah berdasarkan empat prinsip:

- 1) Setiap arahan Allah SWT yang disampaikan melalui RasulNya adalah untuk dipatuhi dan dilaksanakan dalam segenap aspek kehidupan.
- 2) Setiap arahan Allah SWT adalah berkaitan dengan tingkahlaku yang mampu dilakukan oleh hambaNya.
- 3) Setiap arahan Allah SWT adalah untuk mendatangkan kebaikan (masalah) kepada hambaNya.
- 4) Setiap arahan Allah SWT adalah untuk difahami oleh hambaNya.

Isma’il al-Hasani mengemukakan definisi maqasid Syar’iyyah sebagaimana yang dikemukakan oleh Imam al-Syatibi iaitu “Setiap makna yang merujuk kepada kepentingan (masalah) yang dimaksudkan daripada peruntukan hukum Syarak serta makna yang ditunjukkan daripada dalil Syarak yang menuntut agar setiap orang mukallaf melaksanakan segala arahan dan meninggalkan segala tegahan Syarak.” (al-Hasani, 1995: 115)

Ibnu ‘Ashur pula menjelaskan, objektif umum Syariah Islam bermaksud, “Makna dan hikmah yang disimpulkan daripada semua arahan Allah atau sebahagian besarnya. Ia tidak hanya merujuk kepada jenis hukum yang khusus dalam Syariat, bahkan ia mencakupi objektif umum daripada keseluruhan Syariat. Ia juga mencakupi makna daripada hikmah yang disimpulkan daripada sebahagian besar hukum yang disyariatkan.” (1998: 171)

Manakala Yusuf al-‘Alim pula menyatakan, maqasid Syar’iyyah itu adalah “kepentingan (masalah) yang diperoleh oleh manusia ketika hidup di dunia dan akhirat; sama ada melalui cara memenuhi kepentingan atau menjauhi kemudaratan.” (1991: 79)

Al-Raysuni pula menyatakan, maqasid Syar’iyyah adalah “objektif yang perlu dipraktik daripada peruntukan hukum Syarak untuk memenuhi kepentingan manusia.” (1995: 19).

Oleh itu, kesimpulan maksud maqasid Syar’iyyah ialah objektif diperundangan hukum dalam syariat Islam untuk memenuhi kepentingan (masalah) manusia dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan (mafsadah). Objektif tersebut hanya boleh dicapai dengan pelaksanaan semua hukum yang ditetapkan.

Menurut Ibnu ‘Ashur, masalah bermaksud tindakan yang menghasilkan kebaikan, sama ada manfaatnya sentiasa diperoleh atau boleh diperoleh dalam kebanyakan keadaan, sama ada untuk masyarakat atau individu. Manakala mafsadah pula sesuatu yang berlawanan dengan masalah iaitu tindakan yang menghasilkan kerosakan atau mudarat, sama ada kemudaratanya sentiasa diperoleh atau boleh diperoleh dalam kebanyakan keadaan, sama ada untuk masyarakat atau individu (1998: 278-279).

Selanjutnya, para ulama mengkategorikan maqasid Syar’iyyah daripada aspek keutamaannya kepada tiga iaitu peringkat asasi (daruriyyah), seterusnya keperluan (hajiyah), dan yang terakhir adalah pelengkap (tahsiniyyah) (al-Ghazali, 1997). Hierarki kepentingan (masalah) sebagaimana yang dikemukakan oleh Imam al-Juwaini (2003), al-Ghazali (1997) dan al-Syatibi (1997) adalah mengikut keutamaan berikut:

1) Daruriyyah – kepentingan asasi yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang tidak dapat tidak, amat diperlukan oleh setiap manusia melalui kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada ertinya lagi. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mudarat.

2) Hajiyah – kepentingan dan manfaat yang diperlukan manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan ketika menjalankan tugas dalam kehidupan dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran. Walaupun ia tidak sampai ke tahap keperluan asasi yang boleh menyebabkan kebinasaan hidup manusia, tetapi ia diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat. Ketiadaan kepentingan ini tidak akan menjejaskan kehidupan, tetapi akan menyebabkan kesulitan.

3) Tahsiniyyah – kepentingan yang diperlukan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras. Semua itu diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat. Ketiadaannya tidak memberi implikasi besar terhadap kehidupan manusia.

Selanjutnya para ulama membincangkan, bagi setiap hierarki kepentingan tersebut ada cara (wasilah) bagi mencapai kepentingan tersebut. Wasilah berperanan bagi memastikan setiap masalah; daruriyat, hajiyat dan tahsiniyat, dipelihara dan wasilah juga memastikan bagi setiap ‘al-daruriyat al-khamsah’ dipenuhi. Sebagai contoh, salah satu maqasid Syariah ialah memelihara nyawa, manakala wasilah bagi pemeliharaan nyawa ialah penjagaan kesihatan (al-Qarafi, 2001; ‘Iz al-Din, 1999; Ibnu ‘Ashur, 1998).

Berikut dibincangkan maksud lima kepentingan asasi yang menjadi teras kepada maqasid Syari'ah (al-dharuriyat al-khams), iaitu memelihara agama (al-din), jiwa (al-nafs), akal (al-'aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal).

2.1 Hifz al-din (Pemeliharaan agama/kepercayaan)

Objektif memelihara agama ini dinyatakan oleh para ulama berdasarkan kefahaman mereka terhadap firman Allah SWT: “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...” (Surah Ali ‘Imran: 19)

Al-Syafi'i menjelaskan, “Maksud hadis Nabi Muhammad ﷺ, ‘Sesiapa menukar agamanya (keluar daripada Islam), maka hendaklah dia dibunuh’, menunjukkan bahawa sesiapa yang menukar agamanya yang benar iaitu Islam...dia dihukum bunuh kerana keluar daripada kebenaran. Ini disebabkan dia sudah tidak lagi berada dalam agama yang diwajibkan Allah bagi melayakkannya masuk syurga, dan dengan sebab dia sudah keluar daripada Islam, dia menjadi penghuni neraka. Jika dia masih kekal dalam agama kufur yang melayakkannya berada di dalam neraka.” (1996: 1/257) Daripada penjelasan Imam al-Syafi'i tersebut, difahami bahawa antara maqasid Syari'yyah ialah memelihara akidah yang benar bagi memastikan masalah dunia dan akhirat terpelihara.

Al-Syatibi (1997) menjelaskan, pemeliharaan agama dilakukan melalui dua kaedah, pertama dengan menjaga segala perkara yang dapat menjamin akidah yang benar kekal berada di dalam diri setiap manusia. Antara caranya ialah dengan mengamalkan segala ajaran Islam, berjihad mempertahankan akidah, berdakwah menyebarkan Islam. Kaedah kedua ialah dengan menjaga agar dihindarkan segala perkara yang boleh menghilangkan atau memesonkan akidah yang benar. Antara caranya dengan menolak perkara yang berasaskan hawa nafsu serta memerangi bid'ah (al-Yubi, 1998; Ahmad Wifaq, 2014).

Ibnu ‘Ashur (1998) mendefinisikan hifz ad-din sebagai menyelamatkan iman setiap individu Islam daripada terlibat dengan apa-apa yang mungkin melemah dan mengelirukan terhadap kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah lakunya. Bagi masyarakat secara keseluruhannya, memelihara ad-din bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, yang termasuk mempertahankan negara dan kedaulatan Islam dan memelihara cara pembelajaran dan pendidikan Islam dalam kalangan generasi masa kini dan masa depan masyarakat Islam.

Kasule (2004) menjelaskan, antara maksud objektif Syarak memelihara agama termasuklah menjaga agar manusia dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna. Oleh itu, rawatan perubatan menyumbang kepada penjagaan ibadah melalui penjagaan kesihatan fizikal dan akal yang sempurna. Dengan sihat tubuh badan, seseorang itu mampu melaksanakan ibadah dengan sempurna, seperti kemampuan mengerjakan solat, berpuasa, mengerjakan ibadah haji di Mekah dan ibadah lain. Begitu juga kesihatan akal sangat penting bagi memastikan seseorang itu mampu berfikir dengan waras bagi menerima aqidah yang benar.

2.2 Hifz al-nafs (Pemeliharaan Nyawa)

Objektif memelihara nyawa ini dinyatakan oleh para ulama berdasarkan kefahaman mereka terhadap firman Allah SWT: “Dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.” (Surah al-Baqarah: 179)

Al-Syafi'i menjelaskan, "Diperundangkan hukuman Qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera, menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulangnya...ini adalah hikmah umum dan masalah jelas yang dipelihara oleh Syarak." (al-Juwaini, 2003: 95)

Al-Ghazali (1997), menjelaskan *hifz al-nafs* bermaksud memelihara kehidupan manusia melalui peruntukan undang-undang dan hukuman yang boleh menjamin hak hidup seperti hukuman qisas. Al-Shatibi (1997) menjelaskan, bahawa pemeliharaan hidup boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci, dan menyediakan pakaian dan tempat (al-Raysuni, 2006; Ahmad Wifaq, 2014).

Chapra (2008) mengemukakan penjelasan kontemporari bagi *hifz al-nafs* yang melibatkan pencapaian iaitu pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan dan peluang bekerja sendiri, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, keluarga dan perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan mental.

Kasule (2004) menjelaskan, objektif memelihara nyawa mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sains perubatan. Sains perubatan bertujuan untuk memberikan penyelesaian kepada isu kesihatan manusia. Sains perubatan bukan untuk melewati atau menghalang kematian, kerana kematian itu urusan Allah SWT. Sains perubatan adalah untuk memenuhi perintah Allah dan Nabi Muhammad ﷺ iaitu jika seseorang itu sakit, maka dia wajib berusaha mencari rawatan dan ubat.

2.3 Hifz al-'aql (Pemeliharaan Akal)

Akal merupakan nikmat anugerah Allah SWT kepada hambaNya. Akal menjadikan manusia makhluk istimewa berbanding binatang. Sekiranya akal manusia tidak dipelihara, maka manusia akan terjerumus ke lembah kehinaan yang lebih hina daripada binatang. Oleh sebab itu Islam menitikberatkan pemeliharaan akal, agar manusia boleh hidup dengan berteraskan perintah Allah SWT. Dengan adanya akal yang waras menjadi teras pertanggungjawaban Syarak (al-Ghazali, 1997; al-Syatibi, 1997; al-Yubi, 1998; Ahmad Wifaq, 2014).

Al-Syafi'i menjelaskan, "Setiap perkara yang boleh menyebabkan hilang kewarasan akal adalah diharamkan Syarak. Oleh sebab itu diharamkan minum arak walau untuk menghilangkan dahaga, kelaparan, bahkan diharamkan untuk berubat dengannya. Ini kerana akan menghilangkan kewarasan akal dan apabila akal sudah tidak waras, maka sudah tentu orang itu akan meninggalkan kewajiban yang diwajibkan oleh Syarak dan menjerumuskan dia melakukan perkara haram yang lain." (1996: 2/253)

Al-Ghazali menjelaskan, "Memelihara akal merupakan salah satu objektif Syarak, kerana akal merupakan alat untuk manusia memahami, kemampuan manusia memikul amanah, subjek kepada arahan Allah dan pertanggungjawaban." (1999: 80)

Ibnu 'Ashur (1998) menjelaskan, pemeliharaan akal ertinya memberi perlindungan kepada akal manusia daripada apa-apa yang akan merosakkannya. Beliau juga menghuraikan tentang

takrifan ini dengan mengatakan bahawa gangguan kepada akal akan membawa pada kerosakan yang lebih besar kepada masyarakat. Chapra (2008) menambah dengan memberi penekanan pada iman yang menyediakan hala tuju yang benar kepada akal, kerana akal yang tidak dipandu dengan iman boleh menyebabkan lebih banyak penipuan. Pada masa yang sama, iman memerlukan perkhidmatan akal untuk mengekalkan dinamika untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran sosioekonomi dan intelektual.

Kasule (2004) menjelaskan, sains perubatan memainkan peranan yang besar untuk memelihara akal manusia. Sains perubatan memberikan penyelesaian kepada penyakit fizikal yang dengannya dapat menjaga kesihatan akal manusia.

2.4 Hifz al- mal (Pemeliharaan Harta)

Objektif memelihara harta ini dinyatakan oleh para ulama berdasarkan kefahaman mereka terhadap firman Allah SWT: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.” (Surah al-Nisa’: 29)

Al-Syafi’i menjelaskan, “Hukum asas berkaitan pemilikan harta ialah memelihara agar hak milik pemilik terjamin, memelihara harta agar tidak dicabuli hak pemiliknya. Tidak dibenarkan menggugurkan hak milik melainkan dengan kerelaan hati pemiliknya atau dengan sebab yang diperundangkan oleh Syarak. Tidak boleh menamatkan hak milik melainkan atas dasar kebenaran.” (al-Juwaini, 2003: 92)

Memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan daripada peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Oleh itu Islam mengharamkan ketidakadilan, menafikan hak anak yatim terhadap harta mereka, pembaziran, iri hati, serta memberikan sukatan dan timbangan yang tidak betul (al-Juwaini, 2003; al- Ghazali, 1997; al-Syatibi, 1997; Ibnu ‘Ashur, 1998; al-Raysuni, 2006).

Chapra (2008) menekankan pentingnya menggalakkan pengagihan pendapatan yang adil dan kekayaan dalam pembangunan dan pengembangan kekayaan. Beliau memberi cadangan berikut bagi mencapai tujuan ini, iaitu kaedah pengagihan zakat, sedekah dan wakaf. Pembangunan ekonomi ini boleh dilakukan melalui: pengukuhan sumber manusia–pendidikan, kemajuan teknologi, etika kerja, dan lain-lain, menggubal dasar kewangan dan fiskal yang betul untuk mempercepatkan pembangunan, akses kepada modal melalui pembiayaan mikro kepada golongan miskin, serta memberi pekerjaan dan peluang untuk bekerja sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa pembangunan dan pengembangan kekayaan boleh dicapai melalui, pendidikan, penyelidikan, dan peningkatan dalam teknologi dan pengurusan, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, tadbir urus yang baik, kebebasan perusahaan dan peluang bekerja sendiri.

Kasule (2004) menyatakan, sains perubatan turut memberikan sumbangan yang besar kepada objektif Syarak untuk memelihara harta manusia. Masyarakat yang sihat dapat menjalankan urusan kehidupan dengan baik dan ekonomi menjadi stabil. Menjaga kesihatan generasi muda daripada penyakit berjangkit sebagai contoh dapat menjaga harta daripada habis untuk merawat. Masyarakat yang sihat adalah lebih produktif berbanding dengan masyarakat yang tidak sihat.

3.0 APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM FATWA & SAINS PERUBATAN MODEN

Antara objektif utama perundangan Islam (maqasid Syariah) ialah memenuhi kepentingan dan menjauhkan kemudaratan. Bagi membincangkan aplikasi maqasid syariah berkaitan fatwa dan sains perubatan, artikel ini akan menganalisa berdasarkan salah satu kaedah fiqh (qawa'id fiqhiyah) iaitu "Tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak boleh menyebabkan kemudaratan." Kaedah ini berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad saw yang direkodkan oleh Imam Malik, Ahmad, Ibnu Majah, dan al-Hakim. Berdasarkan kaedah umum ini, terdapat kaedah perincian dikemukakan oleh para ulama'.

3.1 Kemudaratan Dielakkan Semampu Mungkin (al-Zarqa', 1989: 207; al-Borno, 1416H: 256; al-Dawsari, 1428H: 227)

Kaedah ini menjelaskan tindakan yang perlu diambil sebelum kemudaratan berlaku. Penyakit merupakan salah satu kemudaratan. Oleh itu tindakan perlu diambil bagi menghalang penyakit itu daripada merebak kepada masyarakat (Al-Matrudi, 1429H). Contoh aplikasi kaedah ini:

a- Melaksanakan perancangan imunisasi kepada anggota masyarakat bagi menghalang penyakit berjangkit (Al-Matrudi, 1429H). Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2105) menjelaskan bahawa penggunaan vaksin bagi menghalang penyebaran virus adalah dibenarkan. Antara vaksin yang telah fatwakan harus ialah vaksin Rubela (1988), Hepatitis B (1988), Campak, Tibi, Batuk kokol, Dipteria, Tetanus dan Polio (1989), Meningococcal Meningitis jenama Mencevax (2002), jenama Menveo (2013), jenama Monumen (2014), jenama Menactra (2015), dan vaksin Human Papilloma Virus – HPV (2010).

b- Walaupun keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada April 2009 menerima pandangan majoriti ulama' iaitu hukum berkhatan bagi wanita adalah wajib, namun jika ia boleh membawa kemudaratan pada diri, maka tidak perlu berkhatan. Seperti dalam keputusan Muzakarah pada April 2007, pesakit 'heamophilia' tidak diwajibkan berkhatan kerana proses khatan boleh membawa mudarat kepada pesakit. Begitu juga bagi kanak-kanak yang mengalami kecacatan otak yang teruk, tidak wajib dikhatankan (JAKIM, 2015).

c- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada Disember 2011 membuat keputusan bahawa menghentikan hayat hidup seseorang sebelum dia disahkan mati dengan menggunakan apa-apa cara dan bersandarkan kepada apa-apa alasan adalah haram dan dilarang oleh Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa perbuatan mempercepatkan kematian melalui amalan 'eutanasia' (sama ada 'eutanasia voluntary', 'non-voluntary' atau 'involuntary') atau 'mercy killing' adalah haram menurut Islam kerana ia menyamai perbuatan membunuh dan ianya juga bertentangan dengan Etika Perubatan di Malaysia (JAKIM, 2015).

d- Mengkuarantin pesakit bagi mengelakkan penyakit merebak (al-Sa'idan, t.th.).

e- Menghalang dan memusnahkan bagi mengelakkan kemudaratan spt ubat-ubatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, dibunuh binatang yang boleh menjadi ejen penyebar virus spt selsema burung (Al-Matrudi, 1429H).

f- Melakukan proses pensterilan instrumen perubatan (Al-Matrudi, 1429H).

3.2 Kemudaratan Perlu Dihapuskan (al-Subki, 1991; al-Suyuti, 1987; Ibnu Nujaym, 1418H)

Kaedah ini menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan apabila kemudaratan sudah berlaku. Semampu mungkin menghapuskan keseluruhan kemudaratan, namun jika tidak mampu, maka perlu berusaha memaksimumkan penghapusan kemudaratan. Sains perubatan adalah berasaskan kepada prinsip mengelak dan menghilangkan kemudaratan daripada pesakit (Al-Matrudi, 1429H). Aplikasi kaedah ini kepada fiqh perubatan:

a- Para pengamal perubatan berkewajiban untuk berusaha semampu mungkin memberikan solusi bagi menghilangkan kemudaratan daripada pesakit seperti memberikan nasihat terbaik, memberikan preskripsi ubat-ubatan yang bersesuaian (Al-Matrudi, 1429H).

b- Meminimalkan interaksi inter-gender antara pesakit dan perawat. Aurat pesakit jika terdedah kepada perawat berlainan gender merupakan kemudaratan, maka ia wajib dihapuskan (al-Sa'idan, t.th.). Kementerian Kesihatan wajib merancang sumber manusia pakar sakit puan dan sakit tuan.

c- Menderma dan memindahkan organ atau tisu. Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JAKIM, 2015), menderma dan memindahkan organ atau tisu adalah dibenarkan untuk menghilangkan kemudaratan pada pesakit. Antara orang yang difatwakan boleh diderma dan dipindahkan ialah jantung (1970), mata (1970), dan darah (1982).

d- Kos perubatan yang mahal merupakan kemudaratan. Dualiti kos dan kualiti perubatan merupakan kemudaratan iaitu perubatan Kerajaan murah, namun kualiti tidak setanding perubatan Swasta yang mahal. Oleh itu pihak Kerajaan wajib mengawal kos dan kualiti perubatan.

e- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan pada April 2006, penggunaan kaedah autopsi maya dalam bedah siasat mayat jika memenuhi keperluan, wajib diberi keutamaan berbanding kaedah bedah siasat yang diamalkan (JAKIM, 2015).

f- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JAKIM, 2015) telah membuat keputusan pada November 2006 berkaitan isu kekeliruan jantina:

i- Bagi kes 'congenital adrenal hyperplasia' (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetic asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan.

ii- Manakala bagi kes 'testicular feminization syndrome' (TSF), untuk kembali kepada genetic asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormone adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah diharuskan selagimana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut.

iii- Bagi kes 'testicular feminization syndrome' yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir ereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testis (sekiranya ada) adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami bagi 'testicular feminization syndrome' tidak perlu dipisahkan.

g- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada Febuari 2012 menyatakan, “hukum menggunakan Rawatan Terapi Larva (maggot debridement therapy) bagi pesakit luka kronik adalah harus dan ibadah yang dilakukan oleh pesakit terutamanya solat ketika menjalani rawatan terapi ini adalah sah.” (JAKIM, 2015: 126)

3.3 Kemudaratan Tidak Boleh Dihapuskan Dengan Kemudaratan Lain Yang Sama Taraf Atau Lebih Tinggi (al-Zarkasyi, 1982; al-Zarqa', 1989).

Kaedah ini menjelaskan tindakan yang perlu dilakukan jika kemudaratan sudah berlaku, maka bagi menghilangkannya tidak boleh diwujudkan kemudaratan baru yang lain yang sama taraf dengan kemudaratan pertama atau kemudaratan baru lebih memudaratkan. Contoh aplikasi dalam fiqh perubatan ialah dalam proses rawatan pesakit, pengamal perubatan tidak boleh menghilangkan kemudaratan pesakit dengan menyebabkan kesan sampingan yang memudaratkan dengan tahap kemudaratan yang sama dengan kemudaratan pertama, apatah lagi jika kesan sampingan itu menimbulkan kemudaratan yang lebih besar (Al-Matrudi, 1429H). Contoh:

a- Pengamal perubatan tidak boleh memberikan preskripsi ubat yang mendatangkan kesan sampingan yang mudaratnya sama atau lebih daripada mudarat penyakit asal (al-Sa'idan, t.th.).

b- Pengamal perubatan juga tidak boleh memberikan ubat yang mengandungi elemen yang haram seperti najis. Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2015) telah menetapkan beberapa keputusan pengharaman berkaitan ubat-ubatan yang mengandungi bahan najis seperti pengharaman suntikan botulinum toxin type A – botox (2006), vaksin biothrax dan rotateq (2008), ubat clexane dan fraxiparine (2009), dan kanta ICL (implantable collamer lens) untuk rawatan mata (2012). Ini disebabkan bahan-bahan tersebut diperbuat daripada bahan najis termasuk unsur babi.

c- Tidak dibenarkan mencabut alat bantuan perubatan daripada seseorang pesakit dengan tujuan untuk digunakan oleh pesakit lain (al-Sa'idan, t.th.)

d- Mendermakan organ atau tisu yang boleh menyebabkan penderma menerima kemudaratan. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2015) berkaitan perdermaan organ atau tisu menyatakan syarat, organ atau tisu hanya boleh didermakan, sekiranya dengan pendermaan itu tidak menyebabkan mudarat kepada nyawa penderma.

3.4 Jika Bertembung Antara Dua Kemudaratan, Maka Dibenarkan Melakukan Tindakan Yang Boleh Menyebabkan Kemudaratan Yang Lebih Ringan Untuk Mengelak Kemudaratan Yang Lebih Berat (al-Suyuti, 1987; Ibnu Nujaym, 1418H).

Kaedah ini menjelaskan, jika sesuatu tindakan hendak dilakukan boleh menyebabkan kemudaratan; satu menyebabkan kemudaratan yang lebih berat berbanding dengan yang satu lagi, maka perlu mengelakkan daripada kemudaratan yang paling berat. Dibenarkan untuk melakukan tindakan yang boleh menyebabkan kemudaratan yang lebih ringan. Bidang perubatan melibatkan tindakan yang mempunyai risiko. Setiap keputusan yang diambil mestilah mengambil kira kemungkinan mudarat yang akan berlaku. Jika sesuatu rawatan diberikan boleh menyebabkan kemudaratan yang lebih berat, maka tidak dibenarkan rawatan itu dilakukan (Al-Matrudi, 1429H). Contoh:

a- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada Disember 2011 menyatakan, “Dalam kes-kes di mana pakar perubatan berhadapan dengan situasi di mana pesakit perlu berdepan dengan dua pilihan, sama ada meneruskan rawatan walaupun berkemungkinan memberi kesan sampingan yang boleh menyebabkan kematian atau terus berada dalam keadaan kesakitan yang berterusan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah harus bagi pakar perubatan memberikan rawatan/ubat-ubatan kepada pesakit (seperti ubat penahan sakit), walaupun berkemungkinan memberi kesan kepada nyawa pesakit.” (JAKIM, 2015: 122)

b- Jika seseorang pesakit dibedah dan kesan sampingannya lebih merbahaya kepada pesakit, maka operasi itu tidak boleh dilakukan (al-Sa’idan, t.th.)

c- Dibenarkan membedah ibu yang sudah meninggal dunia dengan tujuan menyelamatkan janin bayi dalam Rahim ibu tersebut yang diyakini mempunyai peluang untuk hidup. Walaupun membedah ibu yang sudah meninggal dunia itu satu kemudharatan iaitu menyakiti mayat, namun kemudharatan kepada nyawa bayi adalah lebih berat (al-Subki, 1991:1/45; Ibnu Nujaym, 1418H:1/89) Hukum ini juga telah dinyatakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada mesyuarat kali ke-8 bertarikh 24-25 September 1987 berkaitan hukum post-mortem mayat (JAKIM, 2015).

d- Jika seseorang pesakit tidak mampu mendirikan solat fardu dengan berdiri, maka dibenarkan untuk solat dalam keadaan duduk. (Ibnu Nujaym, 1418H:1/90)

e- Jika seseorang yang luka, jika dia sujud dalam solat boleh menyebabkan lebih banyak darah keluar, maka dibenarkan sujud dengan isyarat sahaja. (al-Zarqa’, 1989)

3.5 Jika Bertembung Kemudharatan Yang Bersifat Khusus Dengan Umum, Maka Dibenarkan Melakukan Kemudharatan Yang Khusus Untuk Mengelakkan Kemudharatan Umum (Ibnu Nujaym, 1418H:1/88; al-Zarqa’, 1989:197).

Kaedah ini menjelaskan, jika sesuatu tindakan itu boleh menyebabkan kemudharatan, satu mudarat kepada individu tertentu secara khusus, manakala satu lagi menyebabkan kemudharatan kepada masyarakat umum, maka boleh dilakukan tindakan yang menyebabkan kemudharatan khusus bagi mengelakkan masyarakat umum ditimpa mudarat (Al-Matrudi, 1429H). Contoh aplikasi dalam fiqh perubatan:

a- Dibenarkan menghalang seorang pengamal perubatan yang tidak mahir bagi menjaga keselamatan nyawa masyarakat umum. Halangan tersebut akan mendatangkan kemudharatan kepada pengamal perubatan itu, namun ia dilakukan bagi menjaga kemaslahatan umum. (Ibnu Nujaym, 1418H:1/88; al-Zarqa’, 1989:197)

b- Dibenarkan kuarantin pesakit penyakit berjangkit bagi mengelakkan virus merebak kepada masyarakat awam (al-Sa’idan, t.th.)

3.6 Situasi Darurat Menjustifikasikan Kebenaran Melakukan Tindakan Yang Ditegah (Al-Zarkasyi, 1982:2/317; Al-Subki, 1991:1/49; Al-Suyuti, 1987:173; Ibnu Nujaym, 1418H:1/87) Dan Penetapan Kadar Situasi Darurat Mengikut Kadar Yang Diperlukan (al-Zarkasyi, 1982:2/320; al-Suyuti, 1987:174; Ibnu Nujaym, 1418H:1/87)

Situasi darurat dalam fiqh perubatan bermaksud keadaan yang jika tidak dilakukan sesuatu tindakan yang diharamkan, maka ia boleh mendatangkan kemudharatan kepada nyawa atau anggota badan pesakit. Namun, kaedah pertama dibataskan oleh kaedah kedua. Ia menjelaskan,

sesuatu situasi darurat yang boleh menjustifikasikan melakukan perbuatan yang ditegah mestilah dinyatakan had batasannya. Kebenaran melakukan perbuatan yang ditegah dalam situasi darurat hanya dibenarkan dalam had batasannya sahaja. Jika melampaui had batasan keperluan, maka tindakan itu kembali kepada hukum asalnya iaitu ditegah (Al-Matrudi, 1429H). Contoh aplikasi:

a- Dibenarkan pengamal perubatan memberikan preskripsi ubat yang haram untuk menghilangkan situasi darurat pada pesakit. Sebagai contoh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2015) telah menyatakan hukum harus menggunakan ubat yang hukum asalnya haram kerana situasi darurat seperti harus penyuntikan ‘highly purified insulin’ daripada babi bagi merawat pesakit kencing manis (1983), gelatin babi dalam penghasilan ubat (1984),

b- Dibenarkan pengamal perubatan melakukan tindakan yang hukum asalnya haram, tetapi ada situasi darurat. Dibenarkan pengamal perubatan melihat aurat pesakit yang jika sekiranya tidak dilakukan, maka pengamal tidak dapat memberikan bantuan rawatan. Namun, had batasan aurat yang dibenarkan hanyalah yang berkaitan dengan proses rawatan (al-Ghazali, 1417H:5/37; Ibnu Qudamah, 1405H:8/184). Beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2015) menyatakan diharuskan bedah siasat mayat yang melibatkan kes jenayah (1987) dan bukan melibatkan jenayah seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan (2004), menggugurkan kandungan kerana kecacatan janin yang boleh membahayakan nyawa ibu (1990), mengawet mayat (1993), amalan ‘eutanasia indirect’ atau ‘double-effect medication’ bagi memastikan kesengsaraan yang dihadapi pesakit dapat dikawal (2011),

c- Dibenarkan membedah ibu mengandung bagi mengeluarkan bayi sekiranya ibu itu tidak mampu melahirkan dengan cara normal (Al-Razi, 1417H:239)

d- Penggunaan dadah dalam operasi pembedahan. Namun, perlu dihadkan kadar penggunaan dadah tersebut (al-Sa’idan, t.th.)

3.7 Menjauhkan Kemudaratan Lebih Utama Daripada Memenuhi Kemaslahatan (Ibnu al-Subki, 1991:1/105; al-Suyuti, 1987:179; Ibnu Nujaym, 1418H:1/91)

Kaedah ini menjelaskan, jika terdapat pertembungan antara kemudaratan dengan kemaslahatan dalam melakukan sesuatu tindakan, maka perlu diutamakan untuk mengelak daripada berlaku kemudaratan, walaupun ia boleh menghilangkan kemaslahatan. Bagi setiap tindakan, perlu dikenalpasti, mana elemen yang lebih dominan, sama ada mendatangkan kemudaratan atau kemaslahatan. Jika kemudaratan lebih dominan, maka tindakan itu perlu dijauhi. Aplikasi kaedah ini dalam fiqh perubatan, jika sesuatu rawatan boleh mendatangkan kemaslahatan kepada pesakit dan kemaslahatan itu lebih dominan, maka rawatan itu boleh dilakukan. Namun, jika rawatan itu boleh memenuhi kemaslahatan pesakit, tetapi kesan kemudaratan adalah lebih dominan, maka rawatan itu tidak dibenarkan (Al-Matrudi, 1429H). Contoh aplikasi:

a- Menghalang sebarang bentuk rawatan perubatan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JAKIM, 2015) menjelaskan pengharaman bank air mani (1981), pembedahan pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya (1982), pengklonan manusia (2002), khidmat ibu tumpang (surrogate motherhood) untuk mendapatkan zuriat (2008),

penubuhan bank susu (2011), pendermaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan (2014), pendermaan rahim (2014). Walaupun perkara tersebut dilihat daripada aspek sains perubatan ia boleh menyelesaikan masalah, namun isu-isu tersebut melibatkan perkara yang diharamkan oleh Syarak. Setiap perkara yang diharamkan oleh Syarak mengandungi kemudaratan yang lebih besar, walaupun berkemungkinan padanya terdapat kemaslahatan.

b- Operasi pembedahan bagi tujuan kecantikan adalah dilarang. Walaupun dengan melakukan pembedahan itu boleh menyebabkan seseorang itu kelihatan lebih cantik, namun kemudaratan yang akan berlaku adalah lebih dominan (Al-Matrudi, 1429H).

c- Berdua-duaan antara pengamal perubatan dan pesakit berlainan gender yang bukan mahram adalah dilarang. Walaupun tujuan pengamal itu untuk merawat pesakit, namun kesan khalwat itu akan menyebabkan kemudaratan yang lebih dominan.

4.0 KESIMPULAN

Sains perubatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian maqasid Syariah. Sains perubatan yang berteraskan Syariat Islam dapat memenuhi lima keperluan asasi yang menjadi teras kepada maqasid Syariah. Sains perubatan yang dapat menjaga kesihatan individu dan masyarakat dapat membantu individu dan masyarakat melaksanakan ibadah yang sempurna serta komitmen kehidupan beragama yang dengannya dapat memelihara agama. Sains perubatan menjadi teras bagi memelihara keselamatan nyawa manusia. Akal manusia hanya dapat dipelihara dengan mengamalkan budaya hidup sihat. Individu yang sihat dapat membina keluarga dan masyarakat yang sihat bagi memastikan kelangsungan hidup manusia yang dengannya dapat memelihara keturunan. Anggota masyarakat yang sihat dapat hidup secara produktif bagi memelihara harta.

Oleh itu, semua individu Muslim yang terlibat dalam sains perubatan dan kesihatan perlu berganding bahu berjihad untuk memastikan segala bentuk amalan perubatan dan kesihatan menepati hukum hakam yang ditetapkan dalam Syariat Islam. Hanya amalan perubatan dan kesihatan yang menepati panduan Syariat Islam dapat memenuhi kepentingan (masalah) manusia dan menjauhkan manusia daripada mudarat (mafsadah).

Bibliografi

- Ahmad Wifaq Mokhtar (2014). *Maqasid al-syari'ah 'inda al-Imam al-Syafi'i*. al-Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-'Alim, Yusuf Hamid (1991). *Al-Maqasid al-'ammah li al-syari'ah al-Islamiyah*. Herondon: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Borno, Muhammad Sidqi (1416H). *al-Wajiz fi idah qawa'id al-fiqh al-kulliyah*. Cet. Ke-4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Dawsari, Muslim bin Muhammad (1428H). *al-Mumti' fi al-qawa'id al-fiqhiyah*. Dar Zidni.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1997). *Al-Mustasfa fi 'ilm al-usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1417H). *al-Wasit*. Sunt. Ahmad Mahmud Ibrahim & Muhammad Muhammad Tamir. Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-Hasani Isma'il (1995). *Naẓariyah al-maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tobir bin 'Ashur*. Herondon: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.

- Al-Juwaini, Imam al-Haramayn Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah (2003). *Mughith al-kehalq fi tarjih al-qawl al-haq*. Beirut: al-Matba'ah al-'Asriyah.
- Al-Matrudi, 'Ali bin 'Abd al-'Aziz bin Ibrahim. (1429H). *Tatbiq al-qawa'id al-fiqhiyyah 'ala al-masa'il al-tibbiyah*.
- al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr (1417H). *Tuhfat al-muluk*. Sunt. Dr Abd' Allah Nazir Ahmad. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah.
- Al-Raysuni, Ahmad (1995). *Nazariyah al-maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi*. Cet. Ke-4. Herondon: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Sa'idan, Walid bin Rashid (t.th.). *al-Ifadah al-syar'iyah fi ba'd al-masa'il al-tibbiyah*.
- al-Subki, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi (1991). *Al-Asbbab wa al-naqa'ir*. Sunt. 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud dan 'Ali Muhammad 'Iwad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr (1987). *Al-Asbbab wa al-naqa'ir fi qawa'id wa furu' al-Syafi'iyah*. Sunt. Muhammad al-Mu'tasim Billah al-Baghdadi. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (1996). *al-Kitab al-'um*. Sunt. Ahmad Badr al-Din Hassun. Jil. 5. Misr: Dar Qutaibah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (1997). *al-Muwafaqat fi usul al-Syari'ah*. Sunt. Ibrahim Ramadhan. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Yubi, Muhammad Sa'ad bin Ahmad bin Mas'ud (1998). *Maqasid al-syari'ah al-Islamiyah wa 'alaqatuba bi al-adillah al-tasyri'iyah*. Al-Sa'udiyah: Dar al-Hijrah.
- al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Bahadur (1982). *al-Manthur fi al-qawa'id*. Sunt. Dr Taysir Fa'iq Ahmad Mahmud. Al-Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah.
- al-Zarqa', Ahmad bin Muhammad (1989). *Syarh al-qawa'id al-fiqhiyyah*. Cet. Ke-2. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Chapra, M. (2008). *The Islamic Vision Of Development In The Light Of The Maqasid al-Syari'ah*. Jeddah: Islamic Research & Training Institute.
- Hammad, Nazih (2004). *al-Mawad al-mubarramah wa al-najasah fi al-ghizq' wa al-dawa' bayn al-nazariyah wa al-tatbiq*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibnu 'Ashur, Muhammad al-Tohir (1998). *Maqasid al-syari'ah al-Islamiyah*. Dlm. Muhammad al-Tohir al-Misawi (1998). Al-Syeikh Muhammad al-Tohir bin 'Ashur wa kitabih maqasid al-syari'ah al-Islamiyah. Kuala Lumpur: al-Basa'ir li al-Intaj al-'Ilmi.
- Ibnu Nujaym, Zayn al-Din bin Abraham al-Hanafi (1418H). *al-Asbbab wa al-naqa'ir*. Al-Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-Buhuth bi Maktabah Nazzar al-Baz.
- Ibnu Qudamah al-Maqdisi (1405H). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Taimiyah, Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim (1386H). *Mukhtasar al-fatawa al-misriyah*. Misr: Matba'ah al-Muhammadiyah.
- 'Izz al-Din, Abu Muhammad 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd al-Salam (1999). *Qawa'id al-abkam fi masalih al-anam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Mu'akarab Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Cet. Ke-5. Putrajaya: JAKIM.
- Kasule, Omar Hasan (2004). *Al-Akblaqiyat al-tibbiyah min al-maqasid al-Syar'iyah*. Diakses daripada www.islamonline.net, pada 5 Mac 2017.